

# Bidang pengajian di UMS perlu diselaraskan dengan keperluan pekerjaan

DE 25-11-2019 3

KOTA KINABALU: Bidang pengajian siswazah di Universiti Malaysia Sabah (UMS) perlu diselaraskan dengan keperluan dalam sektor pekerjaan di negeri mahupun negara ini.



Ketua Menteri Sabah Datuk Seri Mohd Shafie Apdal (**gambar**) yang merupakan Pro Canselor UMS berkata ini bagi membolehkan graduan menjadi insan diperlukan dalam bidang yang mereka terokai.

“Ia bukan hanya semata-mata inginkan (siswazah) mempunyai ijazah tetapi juga tenaga mereka (dapat) digunakan dalam

sektor-sektor yang diperlukan diperingkat negeri dan negara,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis konvokesyen UMS Ke-21, sidang ketiga di Dewan Canselori, Ahad.

Mohd Shafie turut berharap UMS akan terus melahirkan graduan yang berkemahiran hasil tunjuk ajar daripada para pensyarah yang dedikasi.

“Di masa akan datang, kita mahu UMS bukan hanya sebuah institusi yang berupaya mengeluarkan beribu pelajar tetapi juga sebagai institusi yang dikenali dalam pelbagai bidang,” katanya.

Majlis konvokesyen UMS pada tahun ini melibatkan seramai 4,159 graduan berlangsung selama tiga hari yang berakhir hari ini – Bernama